

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96**

APRIL 1996

RMK 454 - Undang-Undang 2

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan : **Soalan 1** adalah **WAJIB** dan jawab **TIGA** soalan lain.

1. (a) Terangkan tentang konsep Undang-Undang Binaan seperti yang dipraktiskan di Malaysia.
(b) Apakah faedah dan kebaikan-kebaikan menggunakan "borang-borang standard" kontrak-kontrak bangunan?

(25 markah)

2. (a) Bincangkan secara ringkas jenis-jenis utama kontrak-kontrak bangunan dan kejuruteraan awam.
(b) Peruntukan-peruntukan 8(a) dan (b) tentang "Kecukupan Dokumen-Dokumen Kontrak" dan peruntukan 15 tentang "Pemeriksaan Tapak" di dalam Borang JKR 203A (Semakan 10/83) merupakan di antara beberapa peruntukan yang dianggap kurang adil kepada para kontraktor. Bincangkan.

(25 markah)

3. (a) Bezakan di antara tender, anggaran dan sebutharga.
(b) A, sebuah syarikat kewangan, telah menulis kepada B, seorang kontraktor dengan menyertakan satu set lukisan-lukisan serta spesifikasi untuk mempelawa B menender suatu kerja mengubahsuai pejabat A.

B menjawab:

"**ANGGARAN** - anggaran kami untuk mengendalikan kerja-kerja pengubahsuaian ke atas pejabat tuan, menurut lukisan-lukisan serta spesifikasi yang diberikan berjumlah RM 123,321.00".

....2/-

(RMK 454)

A, menulis kembali tiga hari kemudian menerima "tender" B. B, enggan meneruskan kerja dengan alasan bahawa beliau hanyalah mengemukakan suatu anggaran sahaja dan beliau sekarang tidak berminat lagi dengan kerja tersebut. Nasihati mereka.

(25 markah)

4. Kita Bina Sdn. Bhd., sebuah firma kontraktor telah bersetuju dengan Kami Bayar Bhd., sebuah firma pemaju untuk membina 50 unit rumah teres dengan harga kontrak sebanyak RM 4.87 juta. Perjanjian tersebut membolehkan bayaran kemajuan dibuat apabila siap tahap-tahap tertentu pembinaan. Pihak kontraktor telah siap membina 40 daripada 50 unit rumah, tetapi pihak pemaju tidak dapat menyerahkan tapak yang selebihnya disebabkan masalah untuk mengalihkan satu lintasan kabel elektrik bawah tanah yang terdapat di situ. Kita Bina (iaitu pihak kontraktor) yang telahpun dibayar RM 3.1 juta ingin menuntut kesemua jumlah kontrak tersebut kerana firma kontraktor ini percaya yang pihak pemaju telah memungkiri kontrak. Nasihati Kita Bina Sdn. Bhd. di dalam hal ini.

(25 markah)

5. (a) Bincangkan secara ringkas pelbagai jenis polisi insurans yang terdapat di dalam industri binaan negara ini.
- (b) Kenapakah seseorang kontraktor itu perlu memberitahu sepenuhnya dan seikhlas-ikhlasnya semua fakta-fakta penting apabila menandatangani kontrak insurans?

(25 markah)

6. Suatu perbalahan telah terjadi di antara Malau Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengilang plastik dan Ceria Construction Enterprise, sebuah firma kontraktor berhubung dengan bayaran suatu baki bayaran harga kontrak untuk membina sebuah bangunan kilang kepunyaan Malau Sdn. Bhd. Tuntutan bayaran oleh pihak kontraktor telah dikemukakan kepada timbangtaraan oleh pihak pekilang. Kontraktor membantah tindakan tersebut dengan alasan bahawa nama penimbangtara telah tidak dimasukkan di dalam borang kontrak dan perkara ini tidak menjadi sebahagian daripada peruntukan timbangtaraan. Nasihati mereka.

(25 markah)

-oo000oo-